KERTAS KERJA CADANGAN
PENGUMPULAN DANA UNTUK PEMBELIAN PEJABAT DAN DEWAN UNTUK PMRAM

1.0 PENDAHULUAN

PMRAM sudah terlalu lama terbeban dengan pembayaran sewa yang mahal bagi pejabat PMRAM. Usaha berskala kecil yang telah dibuat oleh PMRAM sekalipun telah mendatangkan hasil berupa dana untuk tujuan pembelian pejabat, namun apa yang terkumpul iaiatu sekitar 500 ribu Geneh (bersamaan kira-kira RM 250 ribu) sangat terlalu jauh untuk menjayakan cita-cita pembelian sebuat pejabat untuk operasi kepejabatan PMRAM.

Selain itu, kesukaran PMRAM untuk melaksanakan program di dewan-dewan asrama rumah anak negeri (BKAN) akibat kekangan pihak pegawai telah memaksa PMRAM untuk menyewa dewan-dewan sekitar Kaherah yang pastinya menambahkan lagi pengeluaran kewangan daripada poket PMRAM.

Maka menjadi tanggungjawab ke atas mantan pendokong PMRAM yang telah pulang ke Malaysia untuk berusaha keras dalam mengumpulkan dana yang berskala besar bagi membantu merealisasikan harapan mahasiswa Islam di Mesir yang mahukan sebuah pejabat dan dewan bagi kegunaan PMRAM yang dicintai.

2.0 OBJEKTIF

1) Menjayakan pencarian dana untuk pembelian pejabat PMRAM.
2) Menyemarakkan rasa tanggungjawab lepasan mahasiswa Mesir terhadap PMRAM yang merupakan persatuan induk bagi mahasiswa Malaysia di Mesir.
3) Mengurangkan pengeluaran wang PMRAM.

3.0 TEMA

"Pembelian Pejabat PMRAM Tanggungjawab Kita"

4.0 ANJURAN

ILMAM

5.0 JANGKAAN MASA UNTUK MISI PENCARIAN DANA

3 Tahun (April 2014 hingga April 2017)

6.0 PEJABAT YANG INGIN DIBELI

PMRAM berhasrat untuk membeli satu pejabat bersaiz @@@@@@@@@@ dan satu dewan bersaiz @@@@@@@@@@@@ yang dapat menampung peserta seramai 150 orang.

7.0 HARGA PEJABAT YANG INGIN DIDAPATKAN

Lampiran 1.

8.0 KAEDAH MENDAPATKAN DANA

Lampiran 2.

9.0 PENUTUP

Semoga dengan segala usaha dan keterbatasan tenaga ini dapat memberi manfaat yang besar dalam menjayakan misi pembelian pejabat PMRAM. Amin.

Disediakan oleh,

t.t

....

LAMPIRAN 1

HARGA PEJABAT YANG INGIN DIDAPATKAN

- PMRAM mahu membeli satu pejabat untuk urusan kepejabatan dan satu dewan yang bersaiz pejabat yang dapat menampung program berskala kecil yang dapat dihadiri oleh sekitar 150 orang peserta.

- Saban tahun harga bagunan dan pejabat di Mesir sentiasa naik.

- Harga semasa bagi satu unit pejabat yang selesa adalah LE 700 ribu.

- Jangkaan harga bagi satu unit pejabat pada tahun 2019 adalah LE 1 Juta.

- Jangkaan kos bagi urusan luar yang berkaitan dengan pembelian sebuah pejabat dan sebuah dewan adalah LE 500 ribu.

- Kesimpulannya adalah PMRAM memerlukan LE 2 Juta 500 ribu iaitu bersamaan RM 1.67 Juta (dengan kiraan RM 100 bersamaan dengan LE 150).

LAMPIRAN 2

PERANCANGAN MENDAPATKAN DANA

Berikut adalah beberapa langkah yang difikirkan dapat mencapai sasaran RM 1.67 Juta

1. Derma Berskala Besar
   - Mencari 100 orang yang sudi menyumbang RM 6 ribu dalam tempoh 3 tahun

2. Derma berskala Sederhana
   - Mencari 200 orang yang sudi menyumbang RM 3 ribu dalam tempoh 3 tahun

3. Derma Berskala Kecil
   - Mencari 300 orang yang sudi menyumbang RM 1 ribu dalam tempoh 3 tahun

4. Jualan Buku
   - mensasarkan 15 judul buku untuk dicetak
   - setiap judul buku dicetak sebanyak seribu unit
   - keuntungan setiap buku adalah RM 12

Jangkaan Kemasukan Dana Pejabat PMRAM

Bil	Perkara	Keuntungan Seunit	Kuantiti	Jumlah
1	Derma Berskala Besar	RM 6 K (seorang)	100 orang	RM 600,000
2	Derma Berskala Sederhana	RM 3 K (seorang)	200 orang	RM 600,000
3	Derma Berskala Kecil	RM 1 K (seorang)	300 orang	RM 300,000
4	Cetakan Buku	RM 12	10 ribu unit (15 judul x seribu cetakan)	RM 180,000
	JUMLAH			**RM I, 680, 000.00**